

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) secara serentak bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam memberi impak yang besar kepada universiti ini, yang telah berlangsung di EDC UUM, baru-baru ini.

MoU antara UUM dan UMT antara lain melibatkan pertukaran pelajar antara kedua-dua institusi pengajian tinggi ini dalam meningkatkan integriti dan semangat cintakan negara dalam diri mahasiswa, manakala MoU bersama NCIA dilakukan untuk kerjasama bidang penyelidikan dan perundingan.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, melalui dua MoU ini akan membantu UUM bekerjasama rapat dengan semua pihak termasuk dengan institusi akademik serta institusi professional.

"Sebagai contoh, pertukaran budaya yang dirancang bersama antara UUM dan UMT akan membolehkan pelajar mendapat pengalaman dalam *environment* baru bagi meningkatkan pemahaman mereka terhadap kepelbagaian budaya dan etnik yang ada di negara ini.

"Pertukaran budaya ini akan membantu pelajar UUM yang terlibat mendapat pendedahan, pengalaman, rakan taulan yang baru di UMT dan begitu juga sebaliknya bagi pelajar UMT yang buat permulaan dianggarkan seramai 18 orang yang akan bermastautin di bumi Sintok ini.

"Pengalaman baru ini akan dapat membantu melahirkan pelajar yang lebih matang dan berkebolehan serta dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam masyarakat 1Malaysia di negara kita," katanya lagi.

Beliau juga berharap perjanjian yang ditandatangani tersebut akan menjadi titik tolak untuk UUM dan UMT dalam bekerjasama dengan lebih erat pada masa depan khususnya dalam mengorak langkah untuk penawaran program '*attachment*' atau praktikum pelajar serta kemungkinan program '*dual degree*' secara bersama.

Sementara itu, Dr Mohamed Mustafa dalam ucapannya berkata, UUM amat berterima kasih kepada pihak NCIA kerana telah banyak memberi sokongan kepada pihak *Northern Corridor Research Centre* (NCRC) melalui pemberian beberapa geran penyelidikan dan perundingan serta peruntukan bagi menjalankan latihan modal insan.

"Diharapkan kerjasama ini akan dapat diteruskan dan diperkukuhkan lagi pada masa akan datang serta diharap ianya akan mencetuskan hubungan kerjasama yang lebih erat dari segi '*networking*' dan '*smart partnership*' dalam merealisasikan pelaksanaan program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) oleh pihak NCIA," tambah beliau lagi.

Majlis menandatangani MoU antara UUM dan UMT serta NCIA ini berlangsung secara serentak yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Aziz Deraman dan Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.